

---

## PERATURAN PERMAINAN GOLF

### 1. PERATURAN TEKNIKAL

#### 1.1 Undang – undang Permainan

- 1.1.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh “ The Royal and Ancient Golf Club of St. Andrews dan peraturan – peraturan tempatan (Local Rules) berkaitan, melainkan apa – apa kekecualian atau Keputusan lain yang ditetapkan oleh jawatankuasa penganjur.
- 1.1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya maka undang -undang Bahasa Inggeris akan dipatuhi.

#### 1.2 Perkara yang Tidak Dinyatakan

Rujuk Peraturan Am SUKIPT

#### 1.3 Kelayakan Peserta

- 1.3.1 Rujuk Perkara 3 Peraturan Am SUKIPT,
- 1.3.2 Pemain perlu mempunyai handicap kad WHS atau pengesahan dari kelab atau pegawai sukan Universiti;
- 1.3.3 Pemain yang berstatus “ Profesional” tidak layak mengambil bahagian.

### 2. PERATURAN PERTANDINGAN

#### 2.1 Sistem Pertandingan

- Kawasan Tee Box Biru bagi kategori lelaki
- Kawasan Tee Box Merah bagi kategori wanita

#### 2.2 Sistem pertandingan dijalankan secara stroke play 54 lubang.

- 
- 2.3 Susunan lapangan dan giliran pemain adalah mengikut ketetapan yang dibuat oleh Jawatankuasa penganjur.
- 2.4 Jawatankuasa penganjur berhak mengubah susunan dan giliran permainan peserta sebelum pertandingan.
- 2.5 Setiap peserta harus bermula pada masa jadual (Flight draw) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pertandingan. Sekiranya seorang pemain melaporkan diri di tempat permulaan bersedia untuk bermain dalam masa 5 minit selepas masa permulaannya kerana tidak menepati masa ialah penalti 2 pukulan (stroke) pada lubang permulaan dan bukannya pembatalan. Penalti bagi kelewatan lebih daripada 5 minit daripada masa permulaan adalah pembatalan daripada pertandingan.
- 2.6 Acara / Kategori yang dipertandingkan
- Kategori Individu Lelaki - Gross
  - Kategori Individu Wanita - Gross
  - Kategori Berpasukan Lelaki - Gross
  - Kategori Berpasukan Wanita - Gross
- 2.7 Kategori Berpasukan
- Kategori Gross (54 lubang)**
- Setiap pasukan lelaki/wanita terdiri 4 orang pemain.
  - Pertandingan ini akan ditentukan melalui Stroke Play dalam 3 pusingan bagi lelaki / wanita. Jika terdapat sebarang perkara yang menyebabkan permainan 54 lubang tidak dapat dijalankan serta diteruskan, jawatankuasa pertandingan berhak untuk membatalkan mana- mana pusingan bergantung kepada keputusan jawatankuasa tersebut.
  - Jumlah 2 skor yang terendah dalam setiap pusingan yang telah diperolehi oleh pemain dalam setiap pasukan akan dikira sebagai skor pasukan untuk pusingan yang berkenaan. Jumlah skor untuk 3 pusingan terendah harian akan dikira sebagai jumlah skor untuk pertandingan. Pasukan yang berjaya mengutip skor yang terendah bagi acara lelaki dan Wanita akan dikira sebagai pemenang dalam acara masing – masing.

- Jika terdapat keputusan seri bagi mana – mana kedudukan lain, ianya akan ditentukan dengan mengambil kira jumlah skor pasukan mengikut cara dan susunan berikut:
  - a) Jumlah skor bagi 18 lubang terakhir
  - b) Jumlah skor bagi 18 lubang hari kedua
  - c) Jumlah skor bagi 18 lubang hari pertama
  - d) Jumlah skor bagi 9 lubang terakhir
  - e) Jumlah skor bagi 6 lubang terakhir
  - f) Jumlah skor bagi 3 lubang terakhir
  - g) Jumlah skor bagi lubang terakhir

## 2.8 **Acara Individu Lelaki / Wanita (GROSS)**

Kategori Individu Gross – Jumlah pukulan bagi tiga pusingan 54 lubang akan menentukan skor bagi setiap individu.pemenang ditentukan berdasarkan jumlah skor terendah

## 2.9 **Kuasa dan Keputusan**

Keputusan Jawatankuasa Pertandingan akan melantik “ Rules Committee” yang dianggotai seorang “ Chief Technical Director”, Tournament Director”, Chief Referee di mana segala keputusan yang melibatkan pertandingan adalah muktamat.

## 2.10 **Keselamatan**

Jawatankuasa penganjur, tidak bertanggungjawab ke atas keselamatan peserta atau kehilangan dan kerosakan harta benda semasa kejohanan ini berlangsung.

**2.11 Bantahan /Rayuan**

2.13.1 Rujuk perkara 13 dan 14 Peraturan SUKIPT,

2.13.2 Penganjur juga berhak menetapkan Jawatankuasa Rayuan yang dianggotai oleh Ketua Pengadil, Ketua Sekretariat Penganjur serta individu yang dirasakan perlu oleh penganjur bagi mendengar dan memberikan keputusan terhadap rayuan tersebut.

**2.12 Ringkasan Penyertaan**

- Berpasukan dan Individu

SUKAN	ATLET		PEGAWAI	JUMLAH
	LELAKI	WANITA		
1) GROSS	4	4	1	
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>4</b>	<b>1</b>	<b>9</b>

**3. PAKAIAN DAN PERALATAN**

3.1 Rujuk perkara 7 dan 8 Peraturan Am SUKIPT

3.2 Pakaian dan Peralatan Pertandingan

3.2.1 Semua pemain mestilah berpakaian golf yang dibenarkan dengan kasut berpaku lembut.

3.2.2 Penganggar Jarak ( Distance Measuring Device DMD)

3.2.3 Pemain dibenarkan menggunakan alat pengukur jarak, terhad kepada jarak semata – mata. Jika pihak penganjur mendapati penyalahgunaan alat ini untuk menentukan ukur ketinggian, kelembapan, pihak penganjur berhak memberi keputusan yang sesuai dengan kesalahan mengikut peraturan sedia ada.

3.3 Para pemain “dibenarkan menggunakan telefon bimbit sepanjang pertandingan bagi menentukan jarak menggunakan “apps” untuk jarak Sahaja.

#### 4. HADIAH - HADIAH

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan:

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	DITAWARKAN	JUMLAH	DITAWARKAN	JUMLAH	DITAWARKAN	JUMLAH
INDIVIDU LELAKI – GROSS	1	1	1	1	1	1
INDIVIDU WANITA – GROSS	1	1	1	1	1	1
BERPASUKAN LELAKI – GROSS	1	4	1	4	1	4
BERPASUKAN WANITA – GROSS	1	4	1	4	1	4
<b>JUMLAH</b>	<b>4</b>	<b>10</b>	<b>4</b>	<b>10</b>	<b>4</b>	<b>10</b>